



Hadiah-hadiah melebihi
RM32,000
mesti dimenangi*!

Hadiah Utama X5: **RM888**
setiap satu Wang Tunai

Hadiah Harian X62: **RM288**
setiap satu Wang Tunai

Hadiah Sagu Hati X100: **RM100**
setiap satu Baucar Tesco Bernilai

Peraduan WhatsApp & Menang

Tempoh Peraduan
15 DIS 2018 - 14 FEB 2019

*Tertakluk kepada Terma & Syarat. Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.etikaholdings.com/contest-and-promotions

1 resit = 1 penyertaan WhatsApp. Pelbagai produk dalam 1 resit dibenarkan.

Produk yang turut serta	Jumlah Produk Yang Diperlukan	Penyertaan Peraduan Layak Yang Diberikan Secara Automatik
Tropicana Twister 1.5L (Aneka Variasi)	1 botol	1
Tropicana Twister Juicy Burst 1.5L	1 botol	2
Tropicana Jus Oren 100% 1L	1 pek	2
Tropicana Air Kelapa 100% 1L	1 pek	2
Tropicana Twister 355ml (Aneka Variasi)	3 botol	1
Tropicana Twister Pek Kembar (2 x 1.5L)	1 pek	2
Calpis / Calpis Fiber 1L (Aneka Variasi)	1 botol	1
Calpis / Calpis Fiber 350ml (Aneka Variasi)	3 botol	1

CARA PENYERTAAN

BELE

Beli mana-mana produk Tropicana atau Calpis yang turut serta dalam satu resit dari mana-mana pasar raya Tesco semasa Tempoh Peraduan.

JAWAB

Jawab satu soalan: "Etika Sdn. Bhd. adalah Penganjur Peraduan ini?"

Betul atau **Salah**

HANTAR

Hantar butiran berikut melalui WhatsApp ke **012-2318300**

a) Gambar jelas seluruh resit bercetak (tunggul asal);
b) Jawapan kepada soalan;
c) Nombor Kad Pengenalan;
d) Nama penuh seperti Kad Pengenalan.

SIMPAN

Simpan resit bercetak Tesco yang asal bertarikh dalam Tempoh Peraduan yang sepadan dengan penyertaan WhatsApp.

TERMA & SYARAT

- Peraduan Tropicana Calpis WhatsApp & Menang ("Peraduan") ini dianjurkan oleh Etika Sdn. Bhd. (17296-P) ("Penganjur") dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia (setiap "Peserta" dan secara kolektif "Para Peserta"). Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan pengesahan identiti Peserta. Golongan individu berikut adalah terkecuali:
 - Rakyat Malaysia yang berumur di bawah 18 tahun (pada 15 Disember 2018); atau
 - Kakitangan Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan); atau
 - Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pengiklanan dan/atau penyedia khidmat promosi Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan).
- Peraduan ini akan berlangsung dari 15 Disember 2018 hingga 14 Februari 2019 ("Tempoh Peraduan"). Pihak Penganjur berhak untuk memendekkan atau memanjangkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan, mengubah atau menangguhkan Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
- Untuk menyertai Peraduan ini:
 - Para Peserta mesti membeli mana-mana Produk yang turut serta ("Produk") dalam satu resit dari mana-mana pasar raya Tesco yang turut serta semasa Tempoh Peraduan. Satu (1) resit tersebut melayakkan Peserta untuk menghantar satu (1) penyertaan melalui WhatsApp dan akan diberikan penyertaan Peraduan yang layak secara automatik berdasarkan carta di bawah. Pelbagai Produk dalam satu resit adalah diterima:

Produk yang turut serta	Jumlah Produk Yang Diperlukan	Penyertaan Peraduan Layak Yang Diberikan Secara Automatik
Tropicana Twister 1.5L (Aneka Variasi)	1 botol	1 penyertaan Peraduan
Tropicana Twister Juicy Burst 1.5L	1 botol	2 penyertaan Peraduan
Tropicana Jus Oren 100% 1L	1 pek	2 penyertaan Peraduan
Tropicana Air Kelapa 100% 1L	1 pek	2 penyertaan Peraduan
Tropicana Twister 355ml (Aneka Variasi)	3 botol	1 penyertaan Peraduan
Tropicana Twister Pek Kembar (2 x 1.5L)	1 pek	2 penyertaan Peraduan
Calpis / Calpis Fiber 1L (Aneka Variasi)	1 botol	1 penyertaan Peraduan
Calpis / Calpis Fiber 350ml (Aneka Variasi)	3 botol	1 penyertaan Peraduan

- Jawab satu soalan: "Etika Sdn. Bhd. adalah Penganjur Peraduan ini. Betul atau Salah."
 - Hantar "Butiran" berikut melalui WhatsApp ke 012-2318300, iaitu talian telefon khas yang disediakan oleh Penganjur HANYA untuk menerima penyertaan yang dihantar oleh Peserta:
 - Gambar jelas seluruh resit bercetak (tunggul asal);
 - Jawapan kepada soalan;
 - Nombor Kad Pengenalan;
 - Nama penuh seperti Kad Pengenalan.
 - Simpan resit bercetak yang asal bertarikh dalam Tempoh Peraduan yang sepadan dengan penyertaan WhatsApp sebagai "Bukti Pembelian". Resit bercetak tersebut mesti menunjukkan Produk yang turut serta yang dibeli, dengan jumlah pembelian, nama kedai, nombor resit dan tarikh pembelian dinyatakan dengan jelas pada resit tersebut.
 - Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan WhatsApp tetapi setiap penyertaan mestilah disertakan dengan Butiran lengkap yang ditetapkan.
 - Peserta tidak dibenarkan mengemukakan/menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan WhatsApp dengan resit yang sama kepada Penganjur.
 - Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan dan/atau menolak penyertaan WhatsApp sekiranya:
 - Resit yang dikemukakan adalah salinan, sukar dibaca, tidak jelas, diubah, koyak atau rosak; dan/atau
 - Butir-butir yang dikehendaki tidak diberikan, tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak jelas dan/atau tidak tepat.
 - Peraduan akan bermula pada jam 12:00 pagi dan berakhir pada jam 11:59 malam, sepanjang Tempoh Peraduan.
 - Para Peserta hanya boleh menyertai Peraduan ini melalui telefon bimbit sahaja.
 - Memandangkan talian 012-2318300 adalah talian khas yang disediakan oleh Penganjur, TIADA perakuan penerimaan akan dihantar oleh Penganjur berkaitan semua Penyertaan yang dikemukakan/dihantar oleh Peserta kepada Penganjur melalui WhatsApp. Sebarang pertanyaan/panggilan melalui talian ini tidak akan dilayan.
 - Pihak Penganjur dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Peraduan ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kelewatan, kegagalan penghantaran dan/atau gangguan mesej WhatsApp dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang penggunaan telefon bimbit atau akaun pelanggan yang tidak dibenarkan sepanjang Peraduan ini.
- Cara pemilihan pemenang:
 - Hadiah Utama x 5:
 - Para pemenang Hadiah Utama yang layak akan ditentukan berdasarkan jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan dibahagikan dengan 5.5, sebagai contoh: jika terdapat sebanyak 12,105 penyertaan layak diterima, nombor ini akan dibahagikan dengan 5.5 dan dibundarkan kepada nombor bulat paling dekat yang lebih rendah iaitu 2,200. Maka penyertaan layak ke-2,200, ke-4,400, ke-6,600 dan seterusnya akan disenarai pendekkan dan berpeluang memenangi Hadiah Utama setiap satu. Jika penyertaan yang disenarai pendekkan dibatalkan kelayakannya, maka penyertaan layak seterusnya yang terdahulu akan menjadi pemenang gantian, sebagai contoh: pemenang gantian untuk penyertaan layak ke-2,200 adalah penyertaan layak ke-2,199.

- Para pemenang Hadiah Sagu Hati yang layak akan ditentukan berdasarkan jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan dibahagikan dengan 100.5, sebagai contoh: jika terdapat sebanyak 12,105 penyertaan layak diterima, nombor ini akan dibahagikan dengan 100.5 dan dibundarkan kepada nombor bulat paling dekat yang lebih rendah iaitu 120. Maka penyertaan layak ke-120, ke-240, ke-360 dan seterusnya akan disenarai pendekkan dan berpeluang memenangi Hadiah Sagu Hati setiap satu. Jika penyertaan yang disenarai pendekkan dibatalkan kelayakannya, maka penyertaan layak seterusnya yang terdahulu akan menjadi pemenang gantian, sebagai contoh: pemenang gantian untuk penyertaan layak ke-120 adalah penyertaan layak ke-119.
 - Hadiah Harian x 1 pemenang x 62 hari:
 - Pemenang Hadiah Harian yang layak akan ditentukan berdasarkan jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang Hari Peraduan dibahagikan dengan 2, sebagai contoh: jika terdapat sebanyak 251 penyertaan layak diterima, nombor ini akan dibahagikan dengan 2 dan dibundarkan kepada nombor bulat paling dekat yang lebih rendah iaitu 125. Maka penyertaan layak ke-125 akan disenarai pendekkan dan berpeluang memenangi Hadiah Harian tersebut. Jika penyertaan yang disenarai pendekkan dibatalkan kelayakannya, maka penyertaan layak seterusnya yang terdahulu akan menjadi pemenang gantian, sebagai contoh: pemenang gantian untuk penyertaan layak ke-125 adalah penyertaan layak ke-124.
 - Para pemenang yang layak akan dihubungi melalui telefon dan dikehendaki menjawab satu soalan dengan betul sebelum boleh disahkan sebagai pemenang. Sekiranya Peserta gagal menjawab soalan dengan betul, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakannya dan memilih Peserta seterusnya sebagai pemenang. Sekiranya Peserta tidak dapat dihubungi pada cubaan pertama, contohnya, tidak menjawab telefon, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan, dan lain-lain, dua (2) cubaan lain akan dibuat lagi dalam tempoh 24 jam yang berikutnya selepas cubaan pertama. Sekiranya percubaan-percubaan ini tidak berhasil, kelayakan peserta akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.
 - Para pemenang yang layak dikehendaki menghantar semua Bukti Pembelian, salinan Kad Pengenalan dan butiran akaun bank untuk pemindahan dalam talian bank untuk hadiah tunai melalui Pos Laju/kurier dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas tarikh pemberitahuan. Sekiranya gagal, kelayakan pemenang tersebut akan dibatalkan. Bukti kiriman tidak akan dianggap sebagai bukti penerimaan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas kiriman yang hilang, lewat atau tersilap alamat. Pihak Penganjur tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran yang dikenakan ke atas pemenang.
- Hadiah-hadiah Peraduan:
 - Hadiah Utama x 5: Wang Tunai RM888.00 setiap satu.
 - Hadiah Harian x 62: Wang Tunai RM288.00 setiap satu.
 - Hadiah Sagu Hati x 100: Baucar Tesco bernilai RM100.00 setiap satu.
 - Setiap Peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah Utama atau satu (1) Hadiah Sagu Hati dan satu (1) Hadiah Harian sepanjang Tempoh Peraduan.
 - Semua hadiah wang tunai akan diberikan dengan cara pemindahan dalam talian bank ke dalam akaun bank yang sah atas nama pemenang sahaja. Akaun bank wakil pemenang tidak dibenarkan.
 - Kesemua hadiah mesti dituntut atas perbelanjaan sendiri dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas tarikh tutup Peraduan. Hadiah-hadiah yang gagal dituntut enam puluh (60) hari selepas tarikh tutup Peraduan akan dituntut oleh Pihak Penganjur.
 - Peserta dikehendaki untuk mengemukakan bukti pengenalan diri semasa atau sebelum penuntutan hadiah sebagai pengesahan. Bentuk-bentuk bukti pengenalan diri yang diterima oleh pihak Penganjur adalah Kad Pengenalan Malaysia atau Lesen Memandu. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta/Pemenang atas kegagalan dalam mengemukakan bukti pengenalan diri.
 - Pihak Penganjur berhak atas budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau apa-apa format atas sebarang sebab. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada'.
 - Semua kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk Peraduan dan untuk menebus hadiah adalah tanggungjawab Peserta dan pemenang sepenuhnya.
 - Para Peserta akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan di dalam Peraduan ini dan penggunaan hadiah-hadiah.
 - Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta memberi keizinan untuk memberi maklumat peribadinya dan pihak Penganjur berhak menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap Peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak Penganjur.
 - Pihak Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan Peserta. Maklumat ini disimpan oleh pihak Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan Peserta. Dengan mengemukakan maklumat peribadi Peserta, pihak Penganjur menganggap bahawa keizinan telah diberi kepada pihak Penganjur dan/atau agen-agen yang dilantik olehnya untuk menggunakan maklumat ini bagi tujuan pemasaran dan promosi yang terkini dan di masa hadapan serta untuk menambahbaik produk-produk dan perkhidmatannya. Sekiranya Peserta memaklumkan pihak Penganjur melalui talian pelanggannya di 1300 30 1300 bahawa maklumat tersebut tidak patut digunakan sebagai asas untuk hubungan seterusnya, pihak Penganjur akan menghormati permintaan Peserta. Maklumat Peserta tidak akan diberi atau dikongsi dengan syarikat-syarikat/rakan-rakan lain untuk kegunaan bebas mereka.
 - Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta harus bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat rasmi yang ditetapkan serta segala keputusan pihak Penganjur.
 - Pihak Penganjur berhak untuk meminda, membatalkan atau mengubahsuai Terma dan Syarat ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu pada bila-bila masa dan para Peserta akan terikat dengan perubahan tersebut.
 - Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.